

Johor United pamer kecemerlangan

JOHOR United meneruskan rentak aksi cemerlang dalam Siri Jelajah Johor 2012 apabila menewaskan pasukan Pilihan UTHM dengan jisringan 9-0 di Stadium Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Batu Pahat, semalam.

Sebelum ini, Johor United turut menjaringkan gol dalam jumlah yang besar iaitu ketika mengadakan perlawanan persahabatan menentang Muar FA pada 4 Disember lalu di Stadium Muar.

Walaupun perlawanan persahabatan itu adalah dalam usaha membentuk keserasian pemain, namun kesungguhan yang ditunjukkan para pemain amat ketara.

Para pemain kendalian Azmi Mohamed begitu komited dalam setiap perlawanan yang dihadapi.

Antara penjaring gol dalam perlawanan menentang Pilihan UTHM ini adalah Zamri Hasan (2), Mohd Rashid Aya (3), Muriel Orlando (2), Jaszarin Jamaluddin (1) dan Asyraf Wahab (1).

Menariknya mengenai pengajuran Siri Jelajah Johor 2012 ini adalah salah satu usaha pihak Persatuan Bola Sepak Negeri Johor (PBNJ) bukan sahaja untuk mencari keserasian pemain, namun memperkenalkan pemain Johor United kepada peminat di serata negeri ini dengan lebih dekat lagi.



Pemain Johor United, Zamri Hasan berjaya melepas halangan yang dilakukan oleh pertahanan UTHM.



Orlando cuba mengasak pintu gol pasukan UTHM.